

## Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua

KHAIRI BIN ARIFFIN<sup>1</sup>

RAMLI BIN SAADON<sup>2</sup>

ISMAIL ALI<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, 35900 Tanjong Malim, Perak

<sup>2</sup>Jabatan Kajian Sosial, Institut Perguruan Lembah Pantai, 59100 Kuala Lumpur

<sup>3</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

<sup>1</sup>khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my, <sup>2</sup>cikramli@yahoo.com, <sup>3</sup>ismailrc@ums.edu.my

**Abstrak** Pelajaran vernakular diperkenalkan oleh kolonial British untuk memberi pengetahuan kepada anak-anak orang Melayu supaya mereka boleh membaca dan memahami arahan. Sekolah-sekolah vernakular yang diperkenalkan hanya bertujuan menyedarkan orang Melayu tentang kebolehan membaca, menulis dan mengira. Tahap pelajarannya hanya di peringkat rendah sahaja. Kemudahan yang ada di sekolah-sekolah yang dibina di kampung-kampung amat kurang dan hanya sebagai memenuhi tanggungjawab sosial kolonial British. Kurikulum yang dilaksanakan juga amat rendah tahap akademiknya. Mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah berkenaan tidak mempunyai hala tuju untuk meningkatkan taraf akademik anak-anak Melayu ke peringkat sekolah menengah kerana pelajaran vernakular berkenaan terhenti di peringkat rendah. Kebanyakan mereka yang tamat belajar hanya layak memegang jawatan paling rendah dalam pentadbiran kerajaan kolonial. Akhirnya, lepasan pendidikan Melayu berkenaan kembali semula kepada pekerjaan asal keluarga mereka sebagai petani dan nelayan di kampung-kampung. Jelas kepada kita bahawa kolonial British melaksanakan pelajaran dalam kalangan anak-anak Melayu sebagai salah satu cara atau jalan untuk mewujudkan kestabilan politik, mengekalkan *status quo* orang Melayu, melahirkan pekerja-pekerja rendah dan menghapuskan buta huruf semata-mata.

**Kata kunci:** pendidikan vernakular, peringkat rendah, kurikulum, sekolah menengah, kestabilan politik, *status quo*.

**Abstract** *British colonial vernacular education was introduced to educate the children of the Malays so that they can read and understand instructions. Vernacular schools, which was introduced only at the level of awareness of the Malays of reading, writing and arithmetic. The level of education only at primary level. Schools built in the villages with very less facilities and lessons taught in accordance with the curriculum has been designed in such a way just to meet the social needs of the Malays and the social responsibility of the colonial British and implemented curriculum is very low academic level. Subjects taught in primary schools had no direction to improve children's academic status of Malay secondary school level as the vernacular education stopped at primary level. Most of those who graduated are eligible to hold office is the lowest in the colonial government. Finally, the Malay-educated graduates return to their family of origin work as farmers and fishermen in the villages. Clear that the British colonial subjects performing among Malay children as a way to create political stability, to maintain the status quo of the Malays, to produce low workers and eliminate illiteracy alone.*

**Keywords:** *Vernacular education, primary level, curriculum, secondary school, political stability, status quo.*

## PENDAHULUAN

Pelaksanaan pelajaran formal yang bercorak *western type education* oleh kolonial British di negeri-negeri Melayu telah membawa kepada pengenalan sistem pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan ditentukan matlamatnya.<sup>1</sup> British telah menentukan kurikulum yang patut diajar di sekolah-sekolah yang dikawal dan diselia di bawah kerajaan kolonial British. Sekolah vernakular Melayu telah menggunakan beberapa subjek yang dirasakan sesuai untuk keperluan kehidupan orang Melayu<sup>2</sup> dan matlamat akhirnya ialah bagi membolehkan orang Melayu kembali ke kampung-kampung dan menjalani kehidupan sebagai petani ataupun pekebun kecil. Penggunaan kurikulum yang difikirkan sesuai akan menentukan hala tuju generasi baru dalam kalangan anak-anak Melayu sebagaimana yang diharapkan melalui kurikulum tersebut.<sup>3</sup> Kolonial British mahukan orang Melayu kekal dengan tradisi kehidupan di kampung dan menjadi petani di samping berperanan sebagai pengeluar makanan.

Pada peringkat awal sistem persekolahan di Tanah Melayu, aspek kurikulum yang dapat dilihat hanyalah kurikulum Melayu dan juga sekolah-sekolah Inggeris.<sup>4</sup> Pada peringkat awal penubuhan sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil, tidak terdapat kurikulum khusus yang digunakan di sekolah-sekolah tersebut. Tambahan pula, pada permulaan sistem pengenalan sekolah formal di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), tidak menyebut kewujudan sekolah vernakular Cina dan Tamil.<sup>5</sup> Oleh itu, konsep kurikulum yang digunakan di kedua-dua sekolah tersebut lebih merujuk kepada penerusan budaya terhadap apa yang ada di negara China dan India. Justeru, dasar kurikulum yang digunakan oleh kolonial British jelas tidak menjurus kepada kepentingan hidup di Tanah Melayu tetapi lebih kepada kurikulum yang liberal dan penekanan kurikulum yang dipantau banyak tertumpu kepada sekolah vernakular Melayu. Hal ini demikian kerana penubuhan dan pengenalan pendidikan sekolah vernakular Melayu merupakan polisi pentadbiran kolonial British dalam menyalurkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Melayu dan membuktikan ia sebagai satu tanggungjawab sosial dalam menjaga kebajikan dan kepentingan pelajaran dan perkembangan kurikulum di sekolah-sekolah Melayu menurut acuan dan kehendak pentadbiran kolonial British.

## KURIKULUM SEKOLAH VERNAKULAR MELAYU

Kedatangan Islam ke Nusantara telah membawa banyak perubahan kepada orang Melayu khususnya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Agama Islam telah membawa pelbagai ilmu untuk kepentingan hidup di dunia dan juga akhirat. Oleh itu, kurikulum yang dipelajari oleh orang Melayu pada peringkat awal adalah dalam konteks 'belajar'. Ia lebih kepada penekanan dalaman dengan mempelajari asas-asas keagamaan<sup>6</sup> bagi membolehkan setiap individu Islam dapat menghayati kitab suci al-Quran yang mengandungi pelbagai ilmu untuk kepentingan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana memetik kata-kata Imam al-Ghazali yang menegaskan bahawa ilmu agama ialah memahami jalan menuju akhirat yang dapat diketahui dengan kesempurnaan dan kebersihan akal.<sup>7</sup> Hal ini amat jelas membuktikan bahawa sebelum kedatangan kolonial British di Tanah Melayu pada abad ke-19, orang Melayu telah mempunyai sistem pendidikan atau pelajaran yang tersendiri bagi membolehkan ilmu pendidikan diberikan kepada setiap individu dan juga kepada generasi seterusnya.<sup>8</sup> Gambaran tentang pelajaran dalam kalangan anak-anak Melayu tradisional sebelum pendidikan vernakular dapat dilihat berdasarkan pernyataan di bawah:

Sebelum adanya sekolah-sekolah dan pengajaran yang formal sesuai dengan kepentingan keduniaan sekarang, anak-anak Melayu telah pun mendapat pendidikan dan pelajaran di kampung-kampung dan di rumah-rumah dengan cara yang tidak formal iaitu mempelajari cara kehidupan daripada ibu bapa atau orang tua-tua mengikut kaedah yang telah menjadi tradisi semenjak berabad-abad.<sup>9</sup>

Namun begitu, kurikulum yang diimplementasikan kepada orang Melayu sebelum pengenalan sistem pelajaran kolonial British tidak direkodkan ataupun dibukukan.<sup>10</sup> Faktor ini disebabkan tujuan belajar agama Islam adalah lebih kepada penekanan penggunaan dan pengamalan ilmu tersebut dan bukan bertujuan mencari kepentingan politik, ekonomi mahupun sosial.<sup>11</sup> Oleh itu, tidak menghairankan apabila kurikulum yang digunakan mengikut kemahiran guru ataupun ulama yang menguasai ilmu-ilmu keagamaan. Hal ini berterusan sehingga muncul sekolah agama yang lebih terancang dan sistematik, berikutan penubuhan sekolah pondok dan madrasah yang mengikut kurikulum dan cara pembelajaran dan pengajaran dari Timur Tengah.<sup>12</sup> Kurikulum bagi sekolah Melayu pada awal pengenalan sistem pelajaran formal oleh kolonial British kepada orang Melayu lebih menekankan kepada asas membaca, mengira dan menulis.<sup>13</sup> Dasar kolonial British terhadap orang Melayu adalah memberikan orang Melayu sedikit pelajaran agar mereka sekurang-kurangnya boleh membaca, mengira dan menulis.<sup>14</sup> Oleh hal yang demikian, terdapat sedikit perbezaan dalam amalan kurikulum berasaskan agama Islam dengan kurikulum yang menekankan kepada ilmu-ilmu keduniaan yang diperkenalkan oleh kolonial British.<sup>15</sup> Antara kandungan kurikulum untuk darjah satu ataupun permulaan persekolahan meliputi perkara-perkara yang berikut:

### JADUAL 1

Subjek yang diajar di sekolah Melayu formal bagi murid-murid Melayu yang sedang belajar jawi atau rumi.

Subjek	Masa dalam Seminggu
1. Bacaan	5
2. Ejaan	5
3. Tulisan	5
4. Kira-kira Perkakas	5
5. Kira-kira Tulis	5

6. Sifir	5
7. Cerita	2
8. Cerita Ilmu Alam	1
9. Cerita Tawarikh	1
10. Kesihatan	1
11. Lukisan	3
12. Nyanyian	3
13. Senaman	3
14. Bercakap	1
15. Pekerjaan Tangan	3
16. Lakonan	2
17. Permainan	1
18. Kumpulan	1

Sumber: Winifred B. Fred Chamber, *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*, hlm.16.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, kandungan kurikulum yang dilaksanakan bagi sekolah-sekolah vernakular Melayu jelas menggambarkan tidak banyak ilmu pengetahuan baru yang diajar di sekolah-sekolah tersebut.<sup>16</sup> Hal ini sejajar dengan dasar kolonial British yang mahukan anak-anak Melayu lebih baik sedikit daripada kedua ibu bapa mereka dan seterusnya anak-anak Melayu akan kembali semula ke kampung halaman mereka untuk meneruskan kehidupan tradisi.<sup>17</sup> Oleh itu, dasar kurikulum kolonial British terhadap orang Melayu dapat dilihat dalam konteks objektif memberi pelajaran kepada anak-anak Melayu. Tujuan mereka adalah untuk mewujudkan kestabilan politik, mengekalkan *status quo* orang Melayu, melahirkan pekerja-pekerja rendah dan menghapuskan buta huruf.<sup>18</sup> Kurikulum pendidikan Melayu yang disediakan oleh kolonial British jelas memberi gambaran bahawa tidak banyak ruang dan peluang bagi anak-anak Melayu untuk mendapatkan hak-hak mereka yang sepatutnya, yang pada masa itu telah dikuasai oleh kolonial British.<sup>19</sup> Asas kurikulum begitu mudah untuk dicapai tidak akan banyak membawa kepada rangsangan berfikir hasil daripada mempelajari sesuatu subjek.<sup>20</sup>

Pengalaman kolonial British di India telah dijadikan sebagai pengajaran agar tidak memberi pelajaran yang membolehkan sesebuah puak atau masyarakat bangkit menentang mereka sebagai penjajah.<sup>21</sup> Dalam usaha menjadikan orang Melayu terus kekal dalam kehidupan tradisinya,

kurikulum yang dibenarkan oleh pihak kolonial British menjadikan orang Melayu kembali ke kampung-kampung bagi meneruskan kerja-kerja pertanian.<sup>22</sup> Selain itu, pihak kolonial British pada abad ke-19 dan 20 di Tanah Melayu memerlukan tenaga kerja di peringkat bawahan bagi memudahkan kerja-kerja pentadbiran untuk kepentingan mereka. Oleh itu, melalui dasar kurikulum yang begitu rendah objektifnya telah menyebabkan anak-anak Melayu hanya layak menjadi pemandu kereta lembu, peon (budak pejabat), kerani rendah dan sebagainya.<sup>23</sup> Dalam jangka masa empat ataupun lima tahun, budak-budak Melayu terus terikat dengan dasar kurikulum yang masih berada pada tahap asas.<sup>24</sup> Kefahaman dalam subjek asas ini hanya dapat digunakan dalam kehidupan seharian bagi kanak-kanak Melayu khususnya yang tinggal di kampung-kampung. Hal ini dapat dilihat dengan jelas sebagai mana yang digambarkan dalam petikan pernyataan di bawah ini:

*The curriculum in the Malay school provided only about four to five years of elementary education. Children were taught simple arithmetic in terms of Malayan weights and measures. Some instruction was also given in Romanized Malay, and Malay in the Arabic characters, and on the geography of the world.*<sup>25</sup>

Bagi kolonial British, kurikulum yang sedemikian rupa bagi kanak-kanak Melayu dirasakan amat sesuai dan berpatutan.<sup>26</sup> Daripada laporan yang dikemukakan kepada pihak dan Pejabat Hal Ehwal Pelajaran, pencapaian orang Melayu dikatakan sudah begitu baik dalam usaha mengekalkan kehidupan tradisi mereka.<sup>27</sup> Pandangan dan pendapat ini amat ketara dan ia telah dibuktikan berdasarkan kenyataan yang dipetik di bawah.

*This elementary vernacular education was "very satisfactory" from the British view point for it "did not over educate the boys, ... in one year out of 2,900 lads who left the vernacular education was to preserve the stability of Malay traditional way of life".*<sup>28</sup>

Perlaksanaan kurikulum dalam pendidikan Melayu oleh kolonial British ternyata menampakkan hasil yang mereka harapkan apabila lepasan pendidikan Melayu berkenaan kembali semula ke kampung asal mereka setelah mereka tamat persekolahan.<sup>29</sup> Pada awal abad ke-20, tidak ramai anak Melayu yang melalui kurikulum sekolah vernakular Melayu dapat bekerja di sektor kerajaan kolonial British. Antara alasan yang dikemukakan ialah tiada pengetahuan dalam Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris.<sup>30</sup>

Faktor ini disebabkan tidak banyak guru yang berupaya mengajar kedua-dua mata pelajaran tersebut secara sistematik.<sup>31</sup> Oleh itu, apabila R.O.Winstedt<sup>32</sup> dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pelajaran bagi Negeri-Negeri Selat dan NNMB pada tahun 1923, beliau telah mengemukakan satu dasar kurikulum yang lebih baik dalam meningkatkan kualiti kurikulum sekolah-sekolah vernakular Melayu.

Kejayaan R.O.Winstedt<sup>33</sup> dalam membangunkan sekolah-sekolah vernakular Melayu banyak dikaitkan dengan minat beliau dalam hal-hwal kebudayaan orang Melayu.<sup>34</sup> Namun begitu, sehingga Perang Dunia Kedua, tidak banyak perubahan yang dapat dilakukan terhadap kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu. Cadangan Winstedt adalah bertujuan untuk memperbaiki kurikulum bagi kanak-kanak Melayu agar mereka mendapat banyak pengetahuan baru. Melalui kurikulum tersebut diharapkan orang Melayu akan mendapat pengetahuan yang lebih baik dan bersedia meneruskan persekolahan ke peringkat yang lebih tinggi. Namun, halangan dalam latihan guru yang tidak sistematik banyak menghalang kepada pelaksanaan kurikulum tersebut.

## JADUAL 2

Kurikulum yang dicadangkan Winstedt bagi sekolah vernakular Melayu.

Jenis Subjek	Kandungan
Ilmu Alam	Ilmu daerah, jajahan di mana sekolah itu berada
Sains "Natural"	Bagi menggantikan buku "Babul's Sihat"
Lukisan	Latih ketepatan dan kekemasan/kerja-kerja mandur
Sejarah	Sekolah rendah tidak diajar seperti yang diamalkan oleh Belanda
Bahasa Melayu	Penggunaan Ejaan Rumi. Hikayat dan Sejarah Melayu tidak lagi digunakan
Pertanian asas	Tanah-tanah di sekitar sekolah digunakan
Anyaman	Perkebunan sayur, bunga dan lain-lain. Mesti lulus untuk mendapatkan sijil
Jahitan	Bagi sekolah-sekolah perempuan
Pelajaran al-Quran	Perlu dihentikan kerana kelas al-Quran hanyalah sebagai pendorong ibu bapa hantar anak ke sekolah

Sumber: Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.77-79.

Jadual 2 mencadangkan agar kurikulum yang lebih baik diperkenalkan di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Antara subjek yang yang dirancang dengan lebih sistematik ialah bahasa Melayu dan Kemahiran Tangan. Namun, dasar kurikulum ini tidak dapat dilaksanakan atas faktor kewangan yang dialami oleh kolonial British.<sup>35</sup> Cadangan yang disyorkan oleh Winstedt tidak dapat dijayakan sepenuhnya di sekolah-sekolah vernakular Melayu<sup>36</sup> kerana sering dikaitkan dengan perbelanjaan besar yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan kolonial British apabila melakukan sesuatu perubahan.<sup>37</sup> Dalam usaha menjadikan pelajaran di sekolah-sekolah vernakular Melayu menampakkan peningkatan, penggunaan buku-buku yang lebih baik kualitinya telah dilaksanakan.<sup>38</sup> Semasa R.J. Wilkinson menjadi pegawai pelawat bagi sekolah-sekolah Persekutuan, beliau telah mengarahkan penggunaan buku-buku yang berkaitan dengan tradisi Melayu khususnya pelajaran yang berkaitan dengan *sastera* digunakan di sekolah-sekolah vernakular Melayu.<sup>39</sup>

Hal ini dapat memberi gambaran bahawa pelaksanaan kurikulum bagi sekolah-sekolah vernakular Melayu sebelum Perang Dunia Kedua jelas tidak dirancang oleh kolonial British. Ia hanya bergantung kepada inisiatif pegawai-pegawai kolonial British sama ada mahu melakukan perubahan ataupun sebaliknya. R.O.Winstedt jelas menampakkan usaha beliau mahu memperbaiki kedudukan kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah vernakular Melayu, walaupun pada mulanya beliau juga tidak begitu yakin dengan usaha-usaha tersebut. Akhirnya, beliau telah mencadangkan agar siri buku Melayu digunakan sebagai teks bagi sekolah-sekolah vernakular Melayu. Boleh dikatakan usaha terhadap penggunaan bahasa Melayu tidak banyak ditekankan. Hal ini mungkin disebabkan penguasaan bahasa akan membolehkan pemikiran orang Melayu turut berubah. Sebelum Perang Dunia Kedua, boleh dikatakan kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu langsung tidak memasukkan asas mempelajari bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu.<sup>40</sup> Kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah Melayu agak longgar dan tidak banyak menyentuh pemikiran orang Melayu. Perkara ini berlaku disebabkan kesukaran untuk mendapatkan guru mengajar di sekolah Melayu yang dapat menguasai ilmu-ilmu yang lebih mencabar.

Jika diperhalusi, kandungan kurikulum yang digunakan di sekolah vernakular Melayu sebelum Perang Dunia Kedua tidak begitu memerlukan guru yang menguasai ilmu-ilmu tertentu yang dapat mengubah pandangan dan pemikiran murid pada masa itu. Bahkan, kandungan kurikulum yang

diajar di sekolah-sekolah Melayu ternyata boleh dilaksanakan tanpa guru yang dilatih secara khusus. Oleh itu, pada peringkat awal sekolah-sekolah vernakular Melayu, guru-guru hanya 'mengajar' perkara asas tanpa memberatkan teknik dan juga strategi pengajaran. Faktor penggunaan kurikulum yang berasaskan apa yang ada di sekeliling anak-anak Melayu boleh dikatakan sebagai kegagalan kolonial British meletakkan satu dasar yang jelas tentang kurikulum yang digunakan terhadap sekolah-sekolah vernakular Melayu. Tambahan pula, ketiadaan dasar perguruan yang khusus mengenai pelaksanaan kurikulum yang dirancang sebelum Perang Dunia Kedua turut membawa kepada kelemahan pelaksanaan kurikulum di sekolah vernakular Melayu.<sup>41</sup> Dalam melaksanakan kurikulum sekolah Melayu, terdapat sebuah kitab ataupun buku yang memberi panduan kepada guru-guru bagaimana pengajaran di bilik darjah dapat dijalankan dan kandungan kitab tersebut adalah seperti yang berikut:

- Bahagian petua-petua kaedah mengajar.
- Mengajar kira-kira darjah I, II, III, IV dan V.
- Perkaitan Pelajaran.
- Mengajar Bacaan, Sifir dan Chongak.
- Mengajar Tawarikh.
- Nasihat-nasihat tentang Pelajaran.<sup>42</sup>

Melihat kepada kandungan buku bahasa Melayu, jelas kandungan ataupun isi pelajaran yang diberikan kepada kanak-kanak Melayu berkisar kepada nilai-nilai kehidupan seharian mereka dan juga asas membaca dan menulis. Biasanya kanak-kanak diajar membaca, mengeja dan menulis melalui satu petikan yang diberi. Sebagai contoh, petikan daripada kurikulum bahasa Melayu yang diajar di sekolah vernakular Melayu adalah seperti yang berikut:

## Pelajaran 9

Luka

Petang sa-malam, belum pukul sembilan lagi saya sudah masok tidor. Saya sangat leteh, sebab main petang itu lama benar. Bila saya terjaga, jam bilek saya berbunyi pukul dua belas. Saya rasa ibu jari kaki saya luka. Baharu saya ingat, petang semalam kami main tangkap ibu; saya tersepak tunggul. Emak chuci luka itu dengan ayer

panas. Sudah chuci ia taroh ubat dan balut dengan percha kain. Kata emak, Bila luka, tidak boleh biarkan sahaja; mesti buat macham ini, kalau tidak kuman nanti masok. Kuman gigit luka itu, jadi tambah sakit dan payah betah”.<sup>43</sup>

Setelah murid-murid membaca petikan di atas, murid-murid akan melalui kerja-kerja latihan seperti menjawab petikan, mengeja dan menyebut. Daripada petikan di atas, murid akan diberi soalan seperti yang berikut:

1. Tulis semua perkataan dalam pelajaran ini yang memakai tujuh huruf.
2. Tulis lima perkataan dalam pelajaran ini yang bunyi-nya tiga patah: Sem-bi-lan = sembilan.<sup>44</sup>

Daripada latihan yang diberi, jelas tidak wujud sama sekali aras pemikiran yang tinggi diberikan kepada murid Melayu. Hal ini sejajar dengan matlamat kolonial British yang hanya mahu kanak-kanak Melayu menguasai asas-asas penting bagi membaca, menulis dan mengira. Lebih separuh abad orang Melayu yang mengikuti kurikulum di sekolah vernakular Melayu terpaksa menerima hakikat bahawa mereka harus kekal dengan kehidupan tradisi mereka, iaitu kembali ke kampung. Nilai-nilai kehidupan yang dijelmakan dalam kurikulum jelas terkongkong kepada pemikiran dan nilai tradisi yang sememangnya telah wujud dalam masyarakat Melayu pada masa itu.

## KURIKULUM MURID PEREMPUAN MELAYU

Pada awal persekolahan vernakular Melayu, hanya kanak-kanak lelaki yang lebih ramai bersekolah berbanding dengan kanak-kanak perempuan. Oleh itu, tidak banyak permintaan terhadap perlunya memberi pelajaran kepada kanak-kanak perempuan.<sup>45</sup> Namun begitu, usaha memberi pelajaran kepada kanak-kanak perempuan banyak diusahakan oleh pemerintah Melayu seperti Sultan Selangor yang mahukan sebuah sekolah perempuan didirikan di Mukim Bandar, Kuala Langat.<sup>46</sup> Bagi kanak-kanak perempuan, kurikulum yang diikuti ialah menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira sama seperti yang dilalui oleh kanak-kanak lelaki.<sup>47</sup> Di samping

itu, kanak-kanak perempuan perlu melalui kurikulum yang berkaitan seperti jahitan, anyaman dan kerja-kerja kesenian. Penyesuaian kurikulum kepada kanak-kanak perempuan banyak dikaitkan dengan tradisi Melayu yang mana kanak-kanak perempuan lebih banyak tertumpu kepada keluarga dan mereka lebih terikat dengan tradisi di dapur.<sup>48</sup> Oleh itu, sekolah-sekolah vernakular Melayu yang mempunyai kanak-kanak perempuan akan menyesuaikan subjek-subjek yang boleh dipelajari oleh kanak-kanak perempuan. Namun begitu, dalam konteks kurikulum yang digunakan hanya melibatkan proses penyesuaian berdasarkan faktor jantina dan tiada satu dasar khusus digubal untuk kanak-kanak perempuan.<sup>49</sup> Tambahan pula, terdapat kanak-kanak perempuan yang bersekolah di sekolah lelaki.<sup>50</sup> Tidak ramai kanak-kanak perempuan yang dihantar ke sekolah, berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Namun begitu, atas kesedaran terhadap pentingnya pelajaran, terdapat segelintir orang Melayu yang bersedia untuk menghantar anak perempuan mereka ke sekolah Inggeris.<sup>51</sup> Oleh itu, perlu ada perubahan yang dilakukan untuk menarik lebih ramai lagi ibu bapa menghantar anak perempuan mereka ke sekolah.

### **Jadual Waktu Sekolah**

Pelaksanaan kurikulum yang telah dipersetujui oleh kolonial British di sekolah-sekolah vernakular Melayu dijalankan dengan penyusunan jadual waktu yang membolehkan setiap pelajar melalui proses menerima pelajaran yang telah ditentukan dasar kurikulumnya. Di sekolah Melayu, pelaksanaan kurikulum bermula pada pukul 8.20 pagi dan berakhir pada pukul 12.30 tengah hari. Setiap subjek diperuntukkan sebanyak 20 minit. Oleh itu, tidak menghairankan apabila hanya seorang guru diperlukan untuk melaksanakan mata pelajaran yang diadakan bagi tiap-tiap kelas. Dengan lain perkataan, seorang guru itu akan mengajar kurikulum bagi subjek tulisan, bacaan, mengira dan sebagainya. Bagi murid darjah satu, terdapat mata pelajaran asas, iaitu tulisan, ejaan dan bacaan. Ketiga-tiga subjek ini diselang-seli dengan mata pelajaran bahasa Melayu dan asas Jawi. Penyesuaian jadual waktu adalah atas budi bicara sesebuah sekolah kerana bilangan kelas adalah bergantung kepada bilangan pelajar yang mendaftar sebagai murid di sekolah tersebut. Oleh itu, untuk tempoh lebih setengah abad, pihak kolonial British tidak melakukan semakan terhadap penggunaan jadual waktu bagi sekolah-sekolah vernakular Melayu.

Hanya selepas Perang Dunia Kedua dan menjelang kemerdekaan Tanah Melayu baru terdapat kawalan dan pengurusan yang agak terancang dalam penggunaan jadual waktu di sekolah-sekolah vernakular Melayu.<sup>52</sup> Di samping itu, terdapat pelbagai masalah dalam perjalanan jadual waktu tersebut kerana faktor kekurangan guru khususnya di sekolah vernakular Melayu. Jadual 3 menunjukkan jadual waktu yang secara umumnya digunakan di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Penyesuaian kurikulum hanya berasaskan kepada subjek-subjek mengikut kelas. Boleh dikatakan dasar kurikulum di sekolah vernakular Melayu banyak memberi pengetahuan asas kehidupan tetapi tidak kepada kemahiran yang membolehkan orang Melayu keluar daripada sistem ekonomi tradisional. Jadual 4 pula menunjukkan analisis pembahagian masa bagi subjek di sekolah vernakular Melayu yang jelas memperlihatkan penguasaan asas membaca, mengira dan menulis diberi peruntukan masa yang lebih. Disebabkan terdapat banyak kelemahan dalam penyediaan guru, maka ramai murid di sekolah vernakular Melayu terpaksa mempelajari asas membaca, mengira dan menulis dalam jangka masa yang agak panjang.

### JADUAL 3

Jadual waktu di sekolah vernakular Melayu.

	8.20-8.40	8.40-9.00	9.00-9.20	9.20-9.40	9.40-10.00	10.00-10.20	10.20-10.40	10.40-11.00	11.00-11.20	11.20-11.40	11.40-12.00	12.00-12.30
<b>Ahad</b>	Sifir	Kira-kira Perkakas	Ejaan	Senaman	Bachaaan	Kira-kira Tulis	Cherita	R	Berchakap	Nyanyi	Tulisan	P.Tangan
<b>Ithnain</b>	Kira-kira Perkakas	Kira-kira Tulis	Ejaan	Senaman	Bachaaan	Tulisan	P.Tangan	E	Cherita I. Alam	Lukisan	Sifir	Lakunan
<b>Thalatha</b>	Ejaan	Kira-kira Perkakas	Kira-kira Tulis	Senaman	Cherita	Permainan	Bachaaan	H	Sifir	Nyanyi	Tulisan	P.Tangan
<b>Rabu</b>	Sifir	Kira-kira Perkakas	Kira-kira Tulis	Senaman	Ejaan	Nyanyi	Bachaaan	A	Cherita Tawarikh	Lakunan	Tulisan	Lukisan
<b>Khamis</b>	Ejaan	Kira-kira Perkakas	Bachaaan	Senaman	Kira-kira Tulis	Berjalan	Tulisan	T	Sifir	Kesihatan	Lukisan	Kumpulan

Sumber: Winfred B., *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*, hlm.17.

**JADUAL 4**

Analisis peruntukan masa daripada jadual waktu dalam seminggu.

Mata Pelajaran	Peruntukan Masa	Mata Pelajaran	Peruntukan Masa
Bacaan*	5	Lukisan	3
Ejaan*	5	Nyanyi	3
Tulisan*	5	Senaman	5
Kira-kira Perkakas	5	Berjalan	1
Kira-kira Tulis	5	Berchakap	1
Sifir	5	P. Tangan	3
Cherita	2	Lakunan	2
Cherita Ilmu Alam	1	Permainan	1
Cherita Tawarikh	1	Kumpulan	1
Kesihatan	1		

Keterangan daripada analisis memberi gambaran subjek yang diajar kepada budak-budak Melayu lebih kepada sesuatu yang sedia ada kepada orang Melayu. Tanda \*Bacaan, Ejaan, Tulisan – mendapat peruntukan waktu yang lebih kerana diselangselikan dengan penggunaan asas jawi, Kira-kira Perkakas, Kira-kira Tulis, Sifir dan Senaman juga mendapat peruntukan lima waktu seminggu. Peruntukan lebih berasaskan kepada kepentingan mata pelajaran ini dan aras kesukarannya.

### **Aplikasi dan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua**

Perjalanan kurikulum sekolah-sekolah vernakular Melayu dapat digambarkan melalui Memoir Dato' Sir Mahmud bin Mat dalam buku yang bertajuk *Tinggal Kenangan*.<sup>53</sup> Beliau menyatakan pelajaran sekolah vernakular Melayu bermula pada pukul 6.30 pagi dan beliau akan keluar dari rumah untuk ke sekolah kira-kira pukul 5.30 pagi. Setiap murid akan dibekalkan dengan 'sekeping papan batu' dan kalam bagi tujuan mencatat apa sahaja yang diajar oleh guru. Sering kali murid akan didenda ataupun didera kerana tidak membersihkan papan batu tersebut. Buku yang digunakan oleh murid yang baru belajar ialah '*Pemimpin Pengetahuan*' yang dikarang oleh Syed Mahmud bin Abdul Kadir Munshi. Buku ini ditulis dalam tulisan jawi. Secara umum, kandungan buku ini meliputi 30 huruf Arab, enam lagi ditambah dengan huruf jawi dan dengan bantuan enam huruf ini, semua

perkataan dalam bahasa Melayu lebih mudah untuk dieja. Teori bagaimana mengajar subjek-subjek tersebut ada dibekalkan. Contohnya dalam kaedah mengajar subjek Kira-Kira, terdapat panduan yang patut digunakan oleh guru-guru yang melaksanakan pengajaran subjek tersebut. Keadaan ini jelas digambarkan seperti dalam petikan di bawah:

Kanak-kanak darjah tinggi sama seperti kanak-kanak darjah rendah juga, mereka mesti dapat menerangkan sendiri mengikut kebolehan akal mereka akan sesuatu kira-kira atau kaedah kira-kira yang mereka sudah belajar. Oleh itu, sangatlah wajib tiap-tiap kali guru mengajar sesuatu kaedah kira-kira disertakan dengan latihan membuatnya dengan perkakas jika kira-kira itu boleh dapat perkakas sebelum mengira dengan bertulis.<sup>54</sup>

Bagi guru-guru sekolah Melayu yang hendak melaksanakan pelajaran Ilmu Kira-Kira, mereka perlu menentukan tajuk dan alat perkakas yang hendak digunakan. Misalnya, seorang guru yang hendak mengajar berkaitan ukuran seperti ukuran kaki, inci dan ela, telah menyediakan perkakas yang diperlukan oleh kanak-kanak sewaktu kerja tangan dijalankan. Antara perkakasan tersebut ialah sekeping kad atau buluh yang panjangnya satu kaki; 12 keping kad atau kertas, panjangnya satu inci dan sekeping kertas atau kad, atau tali yang panjangnya satu ela. Oleh itu, didapati tidak banyak kemahiran yang dibekalkan kepada guru dalam menyampaikan kandungan mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Perkara tersebut menunjukkan perbezaan dalam soal melaksanakan kurikulum di sekolah-sekolah vernakular Melayu kerana ketiadaan dasar kurikulum yang khusus terhadap sekolah berkenaan. Selain itu, setiap negeri juga berlainan pelaksanaannya. Negeri Pahang menggunakan buku yang berbeza dengan negeri Selangor walaupun kedua-dua negeri tersebut termasuk dalam kumpulan NNMB. Faktor ini dikaitkan dengan kekurangan buku yang sesuai dengan keperluan di sekolah vernakular Melayu sehingga tahun 1920-an.<sup>55</sup>

## KURIKULUM MURID LELAKI MELAYU

Bagi murid-murid lelaki di sekolah vernakular Melayu, terdapat dasar kurikulum yang perlu dilalui oleh mereka dari darjah satu hingga darjah lima. Murid-murid lelaki dikehendaki mengeja dan membaca perkataan dari

huruf-huruf jawi. Bagi guru, mereka perlu menyediakan ayat terlebih dahulu yang ditulis dalam tulisan jawi. Selain menguasai pelajaran Jawi, murid lelaki Melayu juga dikehendaki belajar tulisan dan membaca rumi (*Romanised*). Mempelajari tulisan dan bacaan dalam tulisan rumi membolehkan penguasaan kemahiran seperti mengeja dan membuat ayat. Biasanya guru dikehendaki menyediakan bahan bacaan dalam tulisan rumi mahupun jawi untuk tujuan pengajaran di bilik darjah. Selain itu, asas-asas Ilmu Hisab (Matematik) juga diajar meliputi kerja-kerja mengira angka kosong sehingga angka 1000. Asas-asas matematik lain bagi darjah satu meliputi hafalan sifir, bahagi dan pecahan mudah. Terdapat juga mata pelajaran berkebun yang meliputi pelajaran seperti menamakan tumbuh-tumbuhan, bunga dan lain-lain pokok yang mudah didapati di sekitar sekolah kanak-kanak tersebut. Bentuk pengajaran dan pembelajaran pelajar pada masa itu jelas sebagaimana yang telah digambarkan dalam pernyataan di bawah.

*Reading Romanised Malay – Spelling of easy words and reading of sentences from any Romanised Reader approved for his standard. Writing and Dictation in Jawi and Romanised- Writing easy words and sentences taken from standard 1 Readers or constructed by the teacher. Arithmetic - Notation and numeration up to 1000. Simple addition, subtraction, multiplication and division. The multiplication tables to 6 times 12. Gardening - Learning names of plants and flower within the area of school and kampong.*<sup>56</sup>

Kemasukan ke sekolah vernakular Melayu pada mulanya banyak didominasi oleh kanak-kanak lelaki sahaja.<sup>57</sup> Oleh itu, tidak menghairankan apabila pihak kolonial British meletakkan satu dasar kurikulum yang dikhususkan kepada kanak-kanak lelaki.<sup>58</sup> Di samping menguasai ilmu asas membaca rumi dan jawi, kanak-kanak lelaki didedahkan kepada buku-buku bacaan yang membolehkan mereka menguasai ilmu bacaan. Antara buku yang ditetapkan bagi kanak-kanak lelaki di peringkat darjah satu ialah seperti *Jolong Bacaan (Jawi)* dan *Beneh Akal (Rumi)*.<sup>59</sup> Berikut ialah antara buku teks yang dapat dikesan telah digunakan di sekolah-sekolah vernakular Melayu yang ditetapkan oleh Pejabat Pelajaran Kolonial British.<sup>60</sup> Buku-buku teks ini biasanya dibekalkan oleh Jabatan Pelajaran sesebuah negeri ataupun *Inspector of School*.

**JADUAL 5**

Buku teks yang digunakan di sekolah vernakular Melayu.

<b>Darjah</b>	<b>Buku-buku Teks yang Wajib</b>
Darjah 1	Jolong Bacaan (Jawi), Boleh Akal (Rumi)
Darjah 2	Penimbau Akal (Jawi), Baja Akal (Rumi)
Darjah 3	Tangga Pengetahuan (Jawi), Pelampas Akal (Rumi)
Darjah 4	Chanai Bacaan (Jawi), Pelbagai Cerita Melayu (Rumi)
Darjah 5	Sejarah Melayu (Rumi dan Jawi)
Darjah 6	Sejarah Melayu (Rumi), Suratkhobar Jawi

Sumber: Winifred B., *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*.

Jadual 5 di atas menunjukkan buku-buku yang digunakan di sekolah vernakular Melayu daripada darjah satu hingga enam. Secara keseluruhan, tidak banyak pengetahuan yang dapat diperolehi oleh kanak-kanak Melayu melalui kurikulum di sekolah vernakular Melayu. Hal ini disebabkan segala kandungan kurikulum bagi mereka berfokus kepada persekitaran kehidupan orang Melayu sahaja. Dalam dasar kurikulum zaman kolonial British, terdapat usaha-usaha membantu meningkatkan taraf kesihatan dalam kalangan kanak-kanak lelaki pada masa itu. Faktor ini berkemungkinan disebabkan oleh taraf kehidupan orang Melayu yang rendah menyebabkan tahap kesihatan mereka juga rendah. Terdapat ketetapan tugas yang berkaitan dengan kesihatan yang dipanggil ‘*Hygiene – Personal cleanliness*’ dan tugas-tugas tersebut cuba memastikan kekemasan dan kesihatan murid sentiasa dalam keadaan baik “*Daily inspection by teacher of clothes, hair, nails, etc, together with application of such simple remedies as kept in school*”.<sup>61</sup> Mempelajari kesihatan bagi kanak-kanak lelaki diteruskan sehingga tahun enam. Namun begitu, pada peringkat tahun enam amalan kesihatan yang ditekankan ialah membaca *Kitab Ilmu Kesihatan*<sup>62</sup> yang memberi pengetahuan tentang beberapa jenis penyakit yang terdapat di negara tropika. Bagi sekolah vernakular Melayu sama ada murid lelaki ataupun perempuan, murid-murid sekolah perlu juga mengikuti kurikulum Agama. Pihak kolonial British telah meletakkan dasar bahawa pelajaran agama tidak dapat dimasukkan dalam kurikulum sekular. Oleh itu, satu dasar khusus telah dibuat, iaitu kurikulum Agama Islam akan dilaksanakan pada waktu petang.<sup>63</sup>

## Latihan Kerja Rumah Murid

Satu perkara menarik dalam dasar kurikulum kolonial British adalah menjadikan kerja rumah (*homework*) yang diberikan kepada murid-murid sekolah sebagai dasar dan mempunyai implikasi undang-undang. Keadaan ini berlaku disebabkan dasar pelajaran yang menjadi tanggungjawab kerajaan kolonial British sebenarnya turut memerlukan peranan dalam kalangan ibu bapa dan keluarga. Namun begitu, peraturan ini tidak membolehkan kanak-kanak dibuang sekolah kerana gagal menyediakan ataupun menyiapkan kerja rumah. Faktor ini disebabkan terdapat dasar yang jelas bahawa kanak-kanak akan menerima pelajaran sehingga mereka berumur 15 tahun. Hal ini telah dinyatakan dalam *The Malay Mail* seperti yang berikut:

*They decided that compulsory homework was illegal and if challenged could not be upheld no parent could be summoned for refusing to allow his child to do homework and no boy or girl could be expelled from a state school for refusing to do an evening chore because the state is legally bound to provide education for every child until the age of 15.<sup>64</sup>*

Oleh itu, ibu bapa terpaksa belajar bagi membolehkan mereka membantu anak-anak dalam usaha menyiapkan kerja rumah tersebut. Terdapat bantahan dalam konteks ibu bapa agar sama-sama terlibat dalam pengukuhan kurikulum sekolah di bawah kolonial British. Namun begitu, pelaksanaan pengukuhan kurikulum tersebut kurang berkesan khususnya bagi orang Melayu kerana pada peringkat awal pengenalan sekolah formal oleh kolonial British, tidak terdapat banyak usaha memberi pelajaran kepada orang dewasa.<sup>65</sup>

Dasar kurikulum yang digunakan oleh kolonial British ternyata tidak dapat menjadikan orang-orang Melayu di Tanah Melayu hidup sebagai rakyat yang sepatutnya menerima hak dan layanan pendidikan yang sewajarnya terutama pada peringkat awal pengenalan sistem persekolahan pada awal tahun 1870 di NNMB.<sup>66</sup> Setelah kolonial British membawa masuk orang Cina dan India ke Tanah Melayu, keperluan terhadap satu kurikulum yang menjurus kepada keadaan di Tanah Melayu amat diperlukan.<sup>67</sup> Namun, dalam konteks pelbagai masyarakat yang sifatnya berbeza dalam banyak hal, sudah tentu satu dasar kurikulum yang relatif sifatnya yang dapat diterima oleh semua masyarakat agak sukar untuk dilaksanakan. Oleh itu, secara

rasionalnya hanya melalui sistem pendidikan yang menggunakan satu dasar kurikulum yang khusus dan diajar kepada semua masyarakat dalam satu kelas, dirasakan dapat menyatukan penduduk di Tanah Melayu.

*These seem to show that schooling in and of itself makes little contribution towards solving inter-racial conflict without the aid of courses and activities consciously planned in such a way that the pupils involved will actually learn to work and play together; to think about their common problems and to work actively together to solve them and to realise their interdependence.<sup>68</sup>*

### PEPERIKSAAN DI SEKOLAH MELAYU

Pelaksanaan kurikulum memerlukan pengujian atau penilaian bagi mengetahui sejauh mana kurikulum tersebut dapat diikuti oleh murid-murid.<sup>69</sup> Oleh itu, terdapat pelbagai ujian dikenakan mengikut sistem yang dijalankan di sesebuah sekolah.<sup>70</sup> Sistem peperiksaan yang dijalankan di sekolah vernakular Melayu tidak memberi banyak peluang kepada anak-anak Melayu untuk belajar di peringkat yang lebih tinggi berbanding mereka dari sekolah beraliran Inggeris. Anak-anak Melayu yang berada di peringkat rendah, tahap peperiksaan yang paling tinggi biasanya mengandungi subjek-subjek yang berikut:

#### JADUAL 6

Peperiksaan tertinggi bagi sekolah-sekolah vernakular Melayu sejak 1899.

Subjek	Kelas IV
Membaca	Bacaan yang agak susah bagi huruf rumi dan bacaan huruf-huruf Arab.
Penulisan	Menulis rencana daripada petikan yang disediakan dalam tulisan rumi.
Ilmu Hisab	Pengiraan yang melibatkan peraturan-peraturan pengiraan wang, berat dan ukur-mengukur.
Karangan	Hasil karangan dalam tulisan rumi dan Arab.
Ilmu Alam	Soalan berasaskan Geografi dunia dan Asia Tenggara khususnya soalan berasaskan peta Semenanjung Tanah Melayu.
Kerja Amali	Berasaskan kerja tangan atau kemahiran sama ada bagi murid lelaki ataupun perempuan.

Sumber: Rex Stevenson. 1975. *Cultivators and Administrators British Educational Policy Towards the Malays 1875-1906*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Berdasarkan subjek yang ditawarkan kepada sekolah vernakular Melayu, ternyata subjek yang diuji bagi tujuan peperiksaan masih berkisar kepada subjek-subjek asas kemahiran seperti membaca, menulis dan mengira.<sup>71</sup> Perkara ini bertepatan dengan dasar kolonial British yang hanya mahu kanak-kanak Melayu menjadi lebih baik sedikit daripada kedua ibu bapa mereka. Pada peringkat awal persekolahan Melayu, kelas IV adalah kelas tertinggi bagi sekolah vernakular Melayu. Biasanya dalam laporan berkaitan pelajaran di negeri Selangor pada setiap tahun akan dinyatakan murid-murid yang lulus dalam sesuatu peperiksaan. Namun begitu, bilangan yang lulus di sekolah-sekolah vernakular Melayu adalah rendah. Pada tahun 1914, terdapat seorang murid perempuan bersekolah di sekolah lelaki dan didapati telah lulus *Standard V* dalam semua mata pelajaran.<sup>72</sup> Bagi sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil, tidak dinyatakan bagaimana bentuk peperiksaan yang dikenakan ke atas murid-murid mereka. Hal ini disebabkan hanya sekolah di bawah kawalan kolonial British akan ditentukan subjek yang sepatutnya diambil sebagai subjek peperiksaan.<sup>73</sup>

### REAKSI ORANG MELAYU

Orang Melayu pada peringkat awal menganggap pendidikan Melayu yang diperkenalkan di sekolah Melayu bermula daripada sebuah bilik darjah yang ‘menumpang’ di Penang Free School pada tahun 1821.<sup>76</sup> Ia akhirnya menjadi sebuah sekolah dan berkembang ke seluruh Tanah Melayu pada era kolonial. Pendidikan Melayu sekular ini pada awal perkembangannya diinterpretasi oleh orang Melayu secara umumnya sebagai satu usaha orang Barat untuk mengkristiankan orang Melayu. Interpretasi tersebut mungkin sesuai pada masa itu kerana pada peringkat awal pendidikan Melayu, ia diperkenalkan atas inisiatif mubaligh Kristian seperti Rev. Keasberry dan Rev. R.S. Hutchings yang merupakan paderi Kristian pada masa berkenaan.

Selain itu, mungkin pengaruh ‘bandar’ menyebabkan ibu bapa Melayu bertambah prasangka terhadap institusi sekolah Inggeris. Sekolah banyak didirikan di bandar-bandar yang sudah tentu jauh dari tempat tinggal mereka. Sudah tentu wujud perbezaan kehidupan yang amat ketara kepada anak-anak kampung kerana mereka<sup>77</sup> sudah terbiasa dengan kehidupan berlatarkan kedesaan dan berbudayakan kehidupan petani dan nelayan. Fenomena ini digambarkan dengan kenyataan yang berikut:

“Walaupun pada zaman itu telah banyak terdapat sekolah Inggeris tetapi prasangka yang sangat tebal di kalangan masyarakat Melayu bahawa bersekolah Inggeris beerti akan mendedahkan anak itu kepada pengaruh-pengaruh kristian menyebabkan orang Melayu menghantar anak mereka ke sekolah Melayu sahaja. Sementara itu pula, sekolah-sekolah Inggeris didirikan hampir keseluruhannya di bandar-bandar besar sahaja”.<sup>78</sup>

Gullick menyatakan bahawa pengenalan sekolah-sekolah di negeri-negeri Melayu oleh kerajaan kolonial British lebih mengutamakan sekolah-sekolah berpengantar Inggeris terutama di kawasan bandar. Keadaan ini sebenarnya memberi peluang kepada penduduk-penduduk bandar yang terdiri dalam kalangan masyarakat Cina, India dan Eurasian untuk menjadi murid di sekolah-sekolah Inggeris berkenaan. Tahun 1920 dinyatakan sebagai perkembangan ‘kesedaran bangsa Melayu’ terhadap kepentingan pendidikan sama ada pendidikan Melayu atau pendidikan Inggeris. Isu-isu pendidikan ini telah menjadi topik utama dalam surat khabar Melayu.<sup>79</sup>

Kolonial British sebenarnya telah bertindak sebagai penjajah kerana dasar pelajaran khusus untuk orang Melayu pada tahun 1880-an ternyata amat mengecewakan. Sehingga tahun 1955, jumlah orang Melayu yang dapat memasuki sekolah-sekolah kerajaan sebenarnya masih menjadi masalah. Hal ini disebabkan dasar menyediakan sekolah sebenarnya tidak begitu terancang dan telah membawa kepada pelbagai masalah khususnya kepada orang Melayu yang kebanyakannya tidak mampu mendapatkan pelajaran khususnya di sekolah-sekolah persendirian.

Pada tahun 1900, satu undang-undang telah diluluskan bagi seluruh Negeri Sembilan untuk mewajibkan pendidikan bagi anak-anak lelaki Melayu. Undang-undang yang mewajibkan anak-anak tersebut ke sekolah telah mengubah corak kehadiran pelajar ke sekolah sebagaimana yang berlaku di Negeri Sembilan dan Selangor yang telah meluluskan undang-undang ini lebih awal (1891). Ia menunjukkan peningkatan dan kemajuan dalam peratusan kehadiran pelajar bagi kedua-dua buah negeri tersebut. Kejayaan tersebut telah menimbulkan satu cadangan untuk memperkenalkan undang-undang ini ke seluruh NNMB. Walau bagaimanapun, cadangan undang-undang ini terpaksa ditangguhkan kerana kesukaran untuk melaksanakannya terutama sekali jika ia berkaitan dengan pelajar perempuan Melayu kerana pelaksanaan undang-undang

ini adalah bertentangan dengan adat tradisi orang Melayu ketika itu, iaitu pelajar perempuan Melayu mesti diasingkan daripada pelajar lelaki. Negeri Pahang dan Perak tidak melaksanakan kehadiran wajib ke sekolah kerana beberapa alasan tersendiri. Kedua-dua negeri ini asalnya sukar untuk dibangunkan sekolah kerana kekurangan prasarana seperti sistem perhubungan dan jalan raya masih belum berkembang. Oleh itu, bagi pihak kolonial, sekiranya undang-undang yang mewajibkan kehadiran ke sekolah diwujudkan akan menimbulkan masalah dan kesukaran kepada kerajaan untuk menyelesaikannya, adalah lebih baik membiarkan pelajaran sedia ada diteruskan. Perak adalah negeri yang dianggap sebagai perintis kepada pendidikan di negeri-negeri Melayu, dan melalui tahun-tahun awal perkembangannya, ia telah berjaya menyediakan jumlah yang banyak bagi sekolah-sekolah untuk orang Melayu dan peratus kanak-kanak yang hadir ke sekolah adalah lebih baik berbanding dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Sebelum tahun 1916, Perak telah mengambil langkah yang sama seperti Selangor dan Negeri Sembilan untuk memperkenalkan Enakmen Kehadiran Sekolah yang mewajibkan pelajar lelaki Melayu ke sekolah.

Perkembangan pada pertengahan tahun 1880-an hingga seterusnya menyaksikan permasalahan berkenaan Residen yang tidak dapat melatih guru-guru dari Negeri-Negeri Selat dengan bilangan yang mencukupi mengikut keperluan mereka. Guru-guru tempatan yang terlatih lebih dikehendaki di NNS sendiri dan lantikan yang ditawarkan di negeri naungan kurang menarik minat, dan guru-guru di NNS tidak mahu berkhidmat di luar daerah. Pelawat Sekolah Selangor dalam laporan tahunan 1884 menyatakan terdapat kesukaran untuk mendapatkan guru-guru yang menerima jawatan mengajar di kawasan 'ulu' atau pedalaman, dan jauh sama sekali dari dunia yang boleh menyeronokkan mereka, selain ketiadaan orang dari Melaka dan Singapura yang mahu tinggal lebih lama.

Keadaan populasi orang Melayu dan corak tempat tinggal mereka sendiri menunjukkan bahawa percubaan untuk menubuhkan sistem persekolahan awam (*public instruction*) menghadapi masalah tertentu. Dengan kata lain, bukan suatu tugas mudah untuk mencari sebuah kampung, atau kampung-kampung yang berdekatan untuk mengumpul 30 orang murid lelaki yang bersekolah. Keadaan diburukkan lagi dengan keadaan cuaca dan kawasan hutan di Tanah Melayu. Pembuat dasar dan rakyat jelata serta pentadbir dan guru-guru sekolah Melayu menghadapi masalah yang besar.

Hal ini dapat dilihat dengan mengambil dua peristiwa sebagai contoh. Di daerah Kuala Selangor pada bulan Mac 1884, Haji Samsudin yang merupakan penghulu Ujung Permatang dan Sungai Klakati merayu agar budak-budak lelaki dari mukimnya dikecualikan daripada belajar di sekolah baru yang dibuka di Pasir Penambang kerana jarak dan perjalanannya dikatakan tidak selamat. Keadaan ini timbul berikutan permintaan daripada Pemangku Pegawai Daerah tersebut yang memohon supaya rakyat daripada kampung-kampung yang berdekatan menghantar budak-budak lelaki yang bersekolah, ke sekolah baru tersebut.

Perkembangan sekolah Melayu yang menyediakan asas pendidikan Melayu pada era sebelum perang agak lambat. Pada tahun 1926 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), terdapat 401 buah sekolah Melayu untuk murid-murid lelaki yang berdaftar seramai 27,027 orang dan 67 buah sekolah untuk budak perempuan dengan jumlah murid yang berdaftar seramai 3,235 orang murid. Sementara itu, bilangan guru untuk sekolah Melayu pada tahun berkenaan ialah seramai 1,272 orang.

Pada tahun 1928, bilangan sekolah Melayu di NNMB telah menunjukkan pertambahan, iaitu 413 buah sekolah untuk murid lelaki dengan bilangan pendaftaran murid seramai 28,892 orang dan bilangan sekolah Melayu untuk murid perempuan juga bertambah dan telah meningkat kepada 73 buah sekolah dengan pendaftaran murid seramai 3,863 orang, manakala bilangan guru di sekolah Melayu pada masa itu ialah seramai 1,388 orang. Laporan turut menunjukkan bahawa sambutan ibu bapa Melayu bagi persekolahan anak-anak perempuan juga telah menunjukkan perubahan. Perubahan paradigma dan persepsi ibu bapa Melayu mungkin disebabkan oleh tindakan kerajaan kolonial yang memperbaiki imej sekolah perempuan Melayu dengan memperkenalkan pendekatan pengajaran yang sedikit lebih baik daripada sebelumnya.

Pada tahun 1929, dasar kerajaan kolonial masih meneruskan dasar pendidikan percuma kepada sekolah Melayu. Terdapat 431 buah sekolah Melayu bagi murid-murid lelaki dengan jumlah pendaftaran 32,876 orang dan terdapat 77 buah sekolah untuk murid-murid perempuan dengan jumlah pendaftaran 4,580 orang. Bilangan guru-guru Melayu pada masa itu seramai 1,543 orang. Pada tahun 1930, bilangan sekolah Melayu bagi murid-murid lelaki di NNMB telah mencapai angka 442 buah sekolah dengan pendaftaran

pelajar seramai 34,065 orang dan bilangan sekolah bagi murid-murid perempuan berjumlah 82 buah sekolah dengan pendaftaran pelajar seramai 4,941 orang. Sementara itu, bilangan guru di sekolah Melayu pada masa itu adalah seramai 1,541 orang.

Walaupun orang Melayu merupakan penduduk majoriti di Tanah Melayu, bilangan pelajar yang terdapat di sekolah-sekolah Melayu tidak menunjukkan angka yang amat besar bezanya dengan sekolah-sekolah bangsa lain di Tanah Melayu. Keadaan ini dapat dilihat dalam Jadual 7.

### JADUAL 7

Jumlah pendaftaran pelajar semua sekolah di Semenanjung Tanah Melayu.

Sekolah	Tahun 1941	Disember 1945	Januari 1946
Inggeris	32,382	47,336	56,135
Melayu	122,199	108,817	118,474
Cina	83,200	63,400	77,357
India	25,354	9,848	11,806
Jumlah	263,354	229,401	263,772

Sumber: *Department of Education: Monthly Report – February, 1946 (D of E (MP), No 63A/46.*

Jadual 7 menunjukkan jumlah pendaftaran pelajar bagi semua sekolah di Semenanjung Tanah Melayu bagi tahun 1941, bulan Disember 1945 dan bulan Januari 1946. Daripada statistik jadual tersebut menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara bilangan pendaftaran pelajar di sekolah-sekolah Melayu, Cina dan India. Perbezaan yang nyata ialah kadar pertambahan pendaftaran pelajar di sekolah-sekolah berkenaan yang tidak sama antara tahun 1941, Disember 1945 dan Januari 1946. Misalnya pada tahun 1941, bilangan pendaftaran pelajar di sekolah Melayu hanya 122,382 orang, sekolah Cina 83,200 orang dan sekolah India 25,354 orang. Pendaftaran pelajar di sekolah Melayu bagi Disember 1945 adalah 108,817 orang dan Januari 1946 sebanyak 118,474 orang yang menunjukkan pertambahan bagi jangka masa berkenaan sebanyak 9,657 orang. Bilangan pendaftaran di sekolah Cina bagi Disember 1945 adalah 63,400 orang dan Januari 1946 sebanyak 77,357 orang yang menunjukkan pertambahan 13,957 orang. Bilangan pendaftaran di sekolah India pula bagi bulan Disember 1945 adalah 9,848 orang dan Januari 1946 adalah 11,806 orang yang menunjukkan

pertambahan sebanyak 1,958 orang. Jumlah ini menunjukkan bilangan orang Melayu yang mendapat pendidikan di sekolah Melayu jauh lebih rendah (9,657) selepas Perang Dunia Kedua sedangkan orang Cina yang mendapat pendidikan di sekolah Cina menunjukkan pertambahan bilangan yang ramai (13,957) terutama selepas Perang Dunia Kedua.

### JADUAL 8

Jumlah pendaftaran pelajar semua sekolah di Semenanjung Tanah Melayu.

Sekolah	Tahun 1941	Januari 1946	Febuari 1946
Inggeris	32,382	56,135	56,683
Melayu	122,199	118,474	120,266
Cina	83,200	77,357	96,275
India	25,354	11,806	15,308
Jumlah	263,354	263,772	290,532

Sumber: Educational Department, Periodical Reports, Dept. 16/7, 20/10/45 – 5/3/46.

Jika dibandingkan dengan bilangan pendaftaran pelajar bagi semua sekolah di Semenanjung Tanah Melayu tahun 1941, Januari 1946 dan Febuari 1946 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8, jelas menunjukkan bilangan pendaftaran pelajar Melayu di sekolah Melayu masih jauh berkurangan berbanding dengan bilangan pendaftaran orang Cina dan orang India di sekolah masing-masing. Didapati bahawa bilangan pendaftaran pelajar Melayu di sekolah Melayu bagi bulan Januari 1946 adalah sebanyak 118,474 orang dan pada bulan Februari 1946 adalah sebanyak 120,266 orang, iaitu bertambah sebanyak 1,792 orang sahaja, sedangkan bilangan pendaftaran pelajar Cina di sekolah Cina bagi bulan Januari 1946 adalah sebanyak 77,357 orang dan pada bulan Februari adalah sebanyak 96,275 orang, iaitu bertambah sebanyak 18,918 orang, manakala bilangan pendaftaran pelajar India di sekolah India bagi bulan Januari 1946 adalah sebanyak 11,806 orang. Pada bulan Februari 1946 adalah sebanyak 15,308 orang, iaitu bertambah sebanyak 3,502 orang. Perangkaan ini menunjukkan bahawa orang Melayu yang mendapat pendidikan Melayu di sekolah Melayu jauh lebih rendah bilangannya, iaitu sebanyak 1,946 orang, sedangkan orang Cina yang mendapat pendidikan di sekolah Cina adalah lebih ramai, iaitu sebanyak 19,918 orang dan begitu juga orang India yang mendapat pendidikan di sekolah India yang jauh lebih ramai daripada pertambahan bilangan orang Melayu bagi tempoh satu bulan, iaitu pertambahan sebanyak 3,502 orang.

Secara keseluruhan, pendidikan telah diberi kepada semua kanak-kanak, sama ada bangsa Melayu, Cina, India mahupun Eurasian. Kanak-kanak Melayu diberikan pendidikan melalui bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang berkembang di kawasan yang majoriti berpenduduk Melayu. Sekolah-sekolah Melayu ini menyediakan pendidikan bagi para pelajar dari pinggir bandar yang berkemungkinan akan meneruskan pengajian mereka di sekolah Inggeris. Kebanyakan pelajar sekolah Melayu dipengaruhi latar dan pengaruh kehidupan kekampungan atau cara hidup luar bandar. Walau bagaimanapun, pengajaran bahasa Inggeris dimulakan dan diperkenalkan di beberapa sekolah Melayu dan cenderung untuk dijalankan di semua sekolah bagi memperkembangkan idea-idea moden dalam kalangan masyarakat Melayu yang berfikiran tertutup atau dianggap konservatif.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pendidikan Melayu amnya atau sekolah Melayu khususnya mengalami kepayahan dalam mencapai tahap dan martabat pendidikan yang sepatutnya dimiliki oleh anak-anak Melayu. Sehingga Perang Dunia Kedua, nasib pendidikan vernakular Melayu tidak mengalami sebarang perubahan atau mencapai tahap pendidikan yang boleh dibanggakan kerana dasar kolonial British tidak mahu memberikan anak-anak Melayu pendidikan Melayu yang betul-betul sempurna dan dasar kolonial British berkenaan sekadar 'melepaskan batuk di tangga.' Keadaan pendidikan vernakular Melayu ini terus berada dalam kedaifan dan sehingga Perang Dunia Kedua perubahan taraf pelajaran vernakular dalam kalangan anak-anak Melayu terus berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Perkembangan pelajaran vernakular Melayu semenjak diperkenalkan sehingga Perang Dunia Kedua memperlihatkan satu transisi yang amat perlahan dalam mengubah taraf hidup dan pelajaran dalam kalangan anak-anak Melayu.

Keadaan ini berlarutan walaupun selepas Perang Dunia Kedua. Didapati aspek kurikulum memerlukan satu pendekatan yang lebih realistik bagi mengurangkan konflik kerana masyarakat yang telah menetap di Tanah Melayu secara realitinya adalah pelbagai kaum yang bukan hanya terdiri daripada kaum Melayu, malah turut melibatkan kaum Cina dan India. Oleh itu, suatu kaedah yang lebih realistik amat diperlukan melalui penggunaan kurikulum dalam pelajaran yang terdiri daripada vernakular Melayu, Cina dan Tamil sebagai alat bagi membentuk sebuah masyarakat baru di Tanah Melayu pada masa tersebut.

## NOTA

<sup>1</sup>CO 439/3 Federated Malay States, Selangor Administration Report 1907. Lihat juga CO 1030/309 Annual Report of the Education Department 1935.

<sup>2</sup>Dato' Yaakub Isa. 2006. *Sejarah Perkembangan Pendidikan Formal di Negeri Pahang*. Dalam *Seminar Sejarah Sosial Negeri Pahang*, hlm. 5.

<sup>3</sup>Dapat disimpulkan bahawa kurikulum kolonial British sebelum Perang Dunia Kedua memperlihatkan satu bentuk kurikulum yang tidak begitu memikirkan keperluan masyarakat dalam konteks keperluan sesebuah negara.

<sup>4</sup>Lihat CO 1030/309 Federated Malay States, Annual Report of the Education Department for the year 1935.

<sup>5</sup>CO 717/119/1 Federated Malay States, Annual Report of the Education Department for the Year 1910.

<sup>6</sup>Awang Had Salleh. 1974. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya, Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1.

<sup>7</sup>Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi. 2009. *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin Hak Milik Muslim*. Imam Al-Ghazali (terj.). Shah Alam: Illusion Network, hlm. xi.

<sup>8</sup>*Report of the Committee on Malay Education, Federation of Malaya*. "Prior to this the education available in most part of Malaya had been such as was provided by Koran schools."

<sup>9</sup>Prof. Atan Long. *Fikiran-fikiran tentang Pendidikan*, hlm. 38.

<sup>10</sup>CO 439/3 Federated Malay States, Selangor, Administration Report 1906.

<sup>11</sup>Awang Had Salleh. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya, Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2.

<sup>12</sup>Lihat Saman bin Sariff. *Madrasah Al-Haji Taib, Kampung Parit Jamil, Muar*. Dalam *Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia*, hlm. 93.

<sup>13</sup>H.R. Cheeseman. 1979. *Education in Malaya 1900-1941*. Dalam *Malaysia in History, Journal of the Malaysian Historical Society*, Vol. 22, May 1979, hlm. 129.

<sup>14</sup>Rex Stevenson. 1975. *Cultivators and Administrators British Educational Policy towards the Malays 1875-1906*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 63.

<sup>15</sup>Chai Hon- Chan. 1964. *The Development of British Malaya 1896-1909*. Oxford University Press, hlm.227.

<sup>16</sup>CO 439/3 Federated Malay States Selangor, Administration Report 1906.

<sup>17</sup>*Report of the Committee on Malay Education, Federation of Malaya*, Kuala Lumpur 1951.

<sup>18</sup>Awang Had Salleh. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya*, hlm. 13. Lihat juga; Winstedt, R.O. 1923. *Education in Malaya*. Fraser and Neave Ltd. Printers, hlm. 3.

<sup>19</sup> *Secretariat Selangor 4429/1916*, Education in the Federated Malay States - Memorandum by the Dato' Sri Adika Raja, Perak. Lihat juga CO 439/3 Federated Malay States, Selangor Administration Report for the year 1909. "Physical drill is conducted in all school."

<sup>20</sup> CO 439/3 Federated Malay States, Selangor Administration Report for the year 1909.

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 13.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm. 13.

<sup>23</sup> CO 439/3 Federated Malay States, Selangor Administration Report for the year 1906.

<sup>24</sup> *Ibid.*, CO 439/3 Federated Malay States, Selangor Administration Report for the year 1914.

<sup>25</sup> Tay Gaik Yong. *British Economic Policy Towards The Malays in The Federated Malay State 1921-1934*. (Tesis Sarjana), hlm. 47.

<sup>26</sup> CO 439/3 Federated Malay States, Selangor Administration Report for the year 1914.

<sup>27</sup> CO 717/119/1 Federated Malay States, Annual Report of the Education Department for the year 1935.

<sup>28</sup> *Ibid.* Tay Gaik Yong, *British Economic Policy Towards The Malay*, hlm. 48.

<sup>29</sup> *Annual Report on Education for 1954*.

<sup>30</sup> *Secretariat Selangor 4429/1916*, Education in the Federated Malay States – Memorandum by the Dato' Sri Adika Raja, Perak.

<sup>31</sup> CO 717/53/14 *Education Policy in Malaya*.

<sup>32</sup> Richard Olaf Winstedt, dilahirkan pada tahun 1878 dan mendapat pelajaran di Magdalen College dan New College, Oxford. Beliau dilantik sebagai kadet bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1902. Pada tahun 1913, beliau menjawat jawatan sebagai Pegawai Daerah (*District Officer*) di Kuala Pilah. Pada tahun 1916 hingga 1923, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pelajaran (*Assistant Director of Education*). Pada tahun 1924, memegang jawatan sebagai Pengarah Pelajaran bagi Negeri-Negeri Selat dan juga Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Semasa bertugas di Tanah Melayu, beliau menghasilkan buku-buku seperti *History of Malaya (1935)*, *An English Malay Dictionary (1952)*, *Malay Grammar (1913)*, *A Colloquial Malay (1929)* dan *Malay Memories (1916)*.

<sup>33</sup> Sir Richard Winstedt memperoleh Ijazah dari Oxford University dan memasuki Pentadbiran Awam Malaya pada tahun 1902. Beliau banyak menyumbang dalam penulisan berkaitan dengan pelajaran Melayu dan juga berkaitan aktiviti keintelektualan. Antara penulisan beliau ialah *Sejarah Johor (1932)*, *Sejarah Perak (1934)* dan bersama R. J. Wilkinson menulis *Sejarah Selangor (1934)*. Beliau juga banyak terlibat dalam menyediakan kurikulum bagi sekolah-sekolah vernakular Melayu dan juga pernah memimpin Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Beliau meninggal dunia pada 2 Jun 1966 di London.

<sup>34</sup> *Report of the Committee on Malay Education*, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 1951.

<sup>35</sup> Federation of Malaya, *Annual Report on Education for 1954*.

<sup>36</sup> *CO 717/53/14 Education Policy in Malaya*.

<sup>37</sup> Lihat *Estimates of Revenue and Expenditure Education Department for 1910*. Lihat juga Federated Malay States, *Annual Report on the Education Department for the year 1932*.

<sup>38</sup> *CO 717/53/14 Education Policy in Malaya*.

<sup>39</sup> R. J. Wilkinson. *The Education of Asiatics in Special Reports on Educational Subjects, Vol.8* (Cmd.835 of 1902), papers on Malay Subjects, series 1, 17 pamphlets, Kuala Lumpur 1907-1911), series 2, 7 pamphlet, Kuala Lumpur, 1912-1927.

<sup>40</sup> Ibrahim Saad. 1977. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 20.

<sup>41</sup> *Report of the Committee on Malay Education*, Federation of Malaya, Kuala Lumpur 1951.

<sup>42</sup> Winifred B. Chambers. 1953. *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*. Abdul Aziz bin Din (terj.). Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang.

<sup>43</sup> G. D. Mur, Md. Ali bin Muhammad. 1949. *Suloh Bachaan*. Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran, hlm. 9.

<sup>44</sup> *Ibid.*, hlm. 9.

<sup>45</sup> Chai Hon-Chan. 1964. *The Development of British Malaya 1896-1909*. London: Oxford University Press.

<sup>46</sup> *CO 439/3 Selangor Administration Report for the year 1911*.

<sup>47</sup> Lihat Chai Hon-Chan. 1964. *The Development of British Malaya, 1896-1909*. London: Oxford University Press, hlm. 242.

<sup>48</sup> J. M. Gullick. 1988. *A History of Selangor (1766-1939) MBRAS Monograph No.28*, hlm. 192.

<sup>49</sup> Federation of Malaya, *Annual Report on Education for 1954*.

<sup>50</sup> Lihat *CO 439/3*, Selangor Administration Report for the year 1912.

<sup>51</sup> Lihat *CO 717/119/1*, Federated Malay States, Annual Report of the Education Department for the year 1935.

<sup>52</sup> Lihat *Laporan Pelajaran 1960*.

<sup>53</sup> ———, 1999. *Tinggal Kenangan, Memoir Dato' Sir Mahmud bin Mat*. Amilah Abd. Rahman, Nor Azmah Sheh & Zaleha Abidin (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>54</sup> *Ibid.*, Wini F.Feed.

<sup>55</sup> *CO 439/3 Selangor Administration Report for the year 1912*.

<sup>56</sup> *Ibid.*, *Annual Report 1913*, Education File 1913.

<sup>57</sup> J. M. Gullick. *A History of Selangor 1766-1939*, MBRAS Monograph, No. 28.

- <sup>58</sup> CO 439/3 Federated Malay States, Administration Report 1912.
- <sup>59</sup> *Regulation for Malay Vernacular Education SS & F.M.S.* 1936, Singapore 1937, hlm.8.
- <sup>60</sup> *Ibid.*, hlm. 8, 9, 10, 11, 12 dan 13.
- <sup>61</sup> *Ibid.*, hlm.1.
- <sup>62</sup> *Ibid.*, hlm.14.
- <sup>63</sup> CO 717/72/4 Annual Report on Education, 1929.
- <sup>64</sup> Lihat *The Malay Mail*, Thursday Jan. 27, 1955.
- <sup>65</sup> CO 1030/309 Federated Malay States, Annual Report for the Education Department for the year 1935.
- <sup>66</sup> *Report of the Education Committee 1956* (Razak Report).
- <sup>67</sup> *Memorandum on Indian Education in the Federation of Malaya*, by the Indian Education Committee.
- <sup>68</sup> Aminuddin Baki. 1953. *The National School of Malaya, its problems, proposed curriculum and activities*, hlm.19.
- <sup>69</sup> CO 717/53/14 *Education Policy in Malaya*.
- <sup>70</sup> Sistem pelajaran yang dibentuk oleh Kolonial British tidak mempunyai sistem peperiksaan yang seragam. Namun, peperiksaan yang lebih menyerlah ialah di sekolah-sekolah Inggeris. Hal ini disebabkan kelulusan di sekolah Inggeris dapat menjamin murid tersebut melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
- <sup>71</sup> Rex Stevenson. 1975. *Cultivators and Administrators British Educational Policy toward the Malays 1875-1906*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- <sup>72</sup> CO 439/3, Federated Malay States, Selangor, Administration Report for the year 1914.
- <sup>73</sup> *Ibid.*, CO 439/3, Federated Malay States, Selangor Administration Report for the year 1914.
- <sup>76</sup> Gullick, J. M. 1981. *Malaysia: Economic Expansion and National Unity*. London: Earnest Benn & Westview Press, hlm. 220.
- <sup>77</sup> Anak-anak orang Melayu yang tinggal di luar bandar atau dikenali sebagai desa. Kebanyakan ibu bapa dan keluarga mereka bekerja sebagai petani, nelayan dan mengumpul hasil hutan.
- <sup>78</sup> Ahmat Adam. 1983. Gerakan Kebangsaan awal di Tanah Melayu: Harapan dan Kenyataan, dalam KONPEN VIII, *Pendidikan dan Nasionalisme*, Tanjung Malim 1-2 Ogos 1983.
- <sup>79</sup> Winstedt in Annual Report FMS 1920 dalam Gullick, J. M. 1981. *Malaysia: Economic Expansion and National Unity*. London: Earnest Benn & Westview Press, hlm. 221.

## RUJUKAN

- Ahmat Adam. 1983. Gerakan Kebangsaan awal di Tanah Melayu: Harapan dan Kenyataan, dalam KONPEN VIII, *Pendidikan dan Nasionalisme*, Tanjung Malim 1-2 Ogos 1983.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi. 2009. *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin Hak Milik Muslim*. Imam Al-Ghazali (terj.). Shah Alam: Illusion Network, hlm xi.
- Aminuddin Baki. April 1953. *The National School of Malaya, its problems, proposed curriculum and activities. Annual Report 1913, Education File 1913. Annual Report on Education for 1954. Annual Report on the Education Department for the year 1932.*
- Awang Had Salleh. 1974. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya, Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chai Hon-Chan. 1964. *The Development of British Malaya 1896-1909*. London: Oxford University Press.
- , 1999. *Tinggal Kenangan, Memoir Dato' Sir Mahmud bin Mat*. Amiliah Abd. Rahman, Nor Azmah Sheh & Zaleha Abidin (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- CO 439/3 Federated Malay States, Selangor Administration Report 1907.
- CO 1030/309 Annual Report of the Education Department 1935.
- CO 717/119/1 Federated Malay States, Annual Report of the Education Department for the year 1910.
- CO 1030/309 Federated Malay States, Annual Report of the Education Department for the year 1935.
- CO 439/3 Federated Malay States, Selangor Administration Report for the year 1909.
- CO 717/53/14 Education Policy in Malaya.
- CO 717/72/4 Annual Report on Education, 1929.
- CO 717/191/1 Education Policy, Fenn-Wu Report.
- Dato' Yaakub Isa. 2006. *Sejarah Perkembangan Pendidikan Formal di Negeri Pahang*, dalam *Seminar Sejarah Sosial Negeri Pahang 2006. Estimates of Revenue and Expenditure Education Department for 1910.*
- G.D.Mur, Md Ali bin Muhammad. 1949. *Suloh Bachaan*. Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran.
- Gullick, J.M. 1981. *Malaysia: Economic Expansion and National Unity*. London: Earnest Benn & Westview Press, hlm. 221.
- H.R.Cheeseman. 1979. *Education in Malaya 1900-1941*. Dalam *Malaysia in History, Journal of the Malaysian Historical Society*, Vol. 22, May 1979, hlm.129.

- Ibrahim Saad. 1977. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- J.M.Gullick. 1988. *A History of Selangor (1766-1939) MBRAS Monograph No.28*.
- Laporan Pelajaran 1960.  
*Memorandum on Indian Education in The Federation of Malaya*, by The Indian Education Committee.
- Report of the Committee on Malay Education*, Federation of Malaya, 1951, Kuala Lumpur.
- Regulation for Malay Vernacular Education SS & F.M.S.* 1936, 1937, Singapore.
- Rex Stevenson. 1975. *Cultivators and Administrators British Educational Policy toward the Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- R.J.Wilkinson, 1912-1927, *The Education of Asiatics in Special Reports on Educational Subjects, Vol.8* (Cmd.835 of 1902), papers on Malay Subjects, series 1, 17 pamphlets, Kuala Lumpur 1907-1911), series 2, 7 pamphlet, Kuala Lumpur.
- R.J.Wilkinson. *The Education of Asiatics in Special Reports on Educational Subjects, Vol.8* (Cmd.835 of 1902), Papers on Malay Subjects, series 1, 17 pamphlets, Kuala Lumpur 1907-1911), series 2, 7 pamphlet, Kuala Lumpur, 1912-1927.
- Secretariat Selangor 4429/1916*, Education in the Federated Malay States – Memorandum by the Dato' Sri Adika Raja, Perak.
- Tay Gaik Yong, 1921-1934, *British Economic Policy Towards The Malays in The Federated Malay State*. Disertasi yang belum diterbitkan.
- The Malay Mail*, Thursday Jan. 27, 1955.
- Winifred B. Chambers. 1953. *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*. Abdul Aziz bin Din (terj.). Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang.
- Winstedt, R.O. 1923. *Education in Malaya*. Fraser and Neave Ltd. Printers.